

Muhyiddin hilang majoriti, perlu menghadap Agong

JOHOR BAHRU: Kerajaan Perikatan Nasional (PN) pimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak lagi memiliki majoriti dalam Dewan Rakyat kerana hanya disokong 110 ahli Parlimen daripada 222 kerusi.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim berkata, selepas Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub tidak lagi menyokong Muhyiddin, kerajaan PN kini tumbang kerana hilang majoriti.

“Berdasarkan Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan, ahli Dewan Rakyat ada 222 orang tetapi dua ahli Parlimen meninggal dunia iaitu Ahli Parlimen Batu Sapi di Sabah dan Ahli Parlimen Gerik, Perak.

“Ini menjadikan jumlah ahli Dewan Rakyat tinggal 220 orang. Jumlah sokongan 110 sahaja yang dimiliki oleh Ahli Parlimen Pagoh sekarang menjadikan Perdana Menteri dan kerajaan PN pimpinannya tidak ada majoriti,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Hassan, Yang di-Pertuan Agong sebelum ini melantik Muhyiddin pada 1 Mac 2020 sebagai Perdana Menteri berdasarkan Perkara 43(2) (a) Perlembagaan Persekutuan iaitu bahawa pada hemat Seri Paduka, Ahli Parlimen Pagoh itu mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

“Kini Ahli Parlimen Machang menarik balik sokongan terhadap Muhyiddin dan juga Kera-



HASSAN ABDUL KARIM

jaan PN. Dalam keadaan ini, elok kita merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan sekali lagi,” katanya.

Hassan berkata, sepanjang tempoh 10 bulan Muhyiddin menjadi Perdana Menteri, beliau telah mengelak dan menafikan pembentangan usul tidak percaya terhadapnya sebagai Perdana Menteri di Parlimen.

Malah jelasnya, usul percaya terhadap Muhyiddin sebagai Perdana Menteri yang dibawa oleh ahli Parlimen kerajaan juga tidak diberi peluang untuk dibentangkan.

“Saya selaku salah seorang ahli Dewan Rakyat menyeru Perdana Menteri supaya mematuhi Perlembagaan Persekutuan iaitu dengan segera menghadap Yang di-Pertuan Agong,” katanya.